

AQUACARE CREAM

White Soft Paraffin 15% w/w, Emulsifying Wax 9% w/w, Liquid Paraffin 6% w/w

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah kegunaan AQUACARE CREAM.
2. Bagaimana AQUACARE CREAM berfungsi.
3. Sebelum menggunakan AQUACARE CREAM.
4. Cara penggunaan AQUACARE CREAM.
5. Semasa menggunakan AQUACARE CREAM.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan AQUACARE CREAM.
8. Maklumat Produk.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan AQUACARE CREAM

AQUACARE CREAM digunakan sebagai emolien untuk mengurangkan gejala kulit kering dan sebagai pengganti sabun untuk mencuci kulit.

Bagaimana AQUACARE CREAM berfungsi

AQUACARE CREAM mengandungi bahan-bahan yang mempunyai ciri-ciri pelembut yang melembutkan dan melegakan kulit.

Sebelum menggunakan AQUACARE CREAM

Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah kepada bahan-bahan dalam ubat ini.

Sebelum mula menggunakan

- Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mengambil atau menggunakan sebarang ubat-ubatan lain.

- Periksa penutup sama ada pecah atau tidak. Jika pecah, jangan gunakan krim ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain
Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mengambil atau menggunakan sebarang ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan AQUACARE CREAM

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa, kanak-kanak dan warga tua: Sapukan pada bahagian terjejas seperti yang diperlukan atau seperti yang diarahkan oleh ahli farmasi atau doktor anda.

- Bila perlu digunakan
Rawatan perlu dimulakan seawal yang mungkin.

- Berapa lama perlu digunakan
Anda perlu menggunakan ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan
Gunakan semula seperti yang diperlukan..

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja tertelan krim ini, hubungi ahli farmasi atau doktor anda.

Semasa menggunakan AQUACARE CREAM

- Perkara yang perlu dilakukan

- Pastikan anda membasuh tangan sebelum menggunakan krim ini.
- Sila beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami alahan

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berkongsi ubat dengan orang lain.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Jika berlaku Alahan terhadap kulit, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan sampingan

Kebanyakan pengguna tidak akan menghadapi masalah, tetapi sesetengah pengguna akan mendapat kesan iaitu: Tindakbalas alahan yang sekali-sekala (contohnya; rasa pedih, terbakar, gatal-gatal dan kemerahan).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan AQUACARE CREAM

- Penyimpanan

- Tutup bekas dengan kemas.
- Simpan di bawah 30 ° C..
- Lindungi dari haba, kelembapan dan cahaya.

- Jauhkan ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi anda tentang bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat produk

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih dan lembut.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: White Soft Parafin, Liquid Parafin, Emulsifying Wax.
- Bahan tidak aktif: Glycerine, Chlorocresol (as preservative), Purified Water.

- Nombor MAL MALXXXXXXXXXX

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Marketing Sdn. Bhd.
Lot No. 2, 4, 6, 8 & 10, Jalan P/7,
Seksyen 13, Kawasan Perindustrian
Bangi,
43650, Bandar Baru Bangi,
Selangor, Malaysia

Pengilang

Jardin Manufacturing Sdn Bhd, Lot
1, 2, 3 & 4,
Kawasan Industri Batu 7,
23000 Dungun, Terengganu,
MALAYSIA.

Tarikh Kemaskini RiMUP

20/11/2025

Nombor siri

NPRA (R2) 25/222